

Jawab semua 15 soalan.

1 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor.

5.236

Rajah 1


(i) Tuliskan nombor dalam Rajah 1 dalam perkataan.

..... (1 markah)

(ii) Nyatakan satu nombor perpuluhan yang kurang daripada nilai pada Rajah 1

..... (1 markah)

2 Rajah 2 menunjukkan sebuah segi empat tepat yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Rajah 2




(i) Tulis pecahan termudah yang mewakili bahagian berlorek daripada seluruh rajah.

..... (2 markah)

(ii) Tulis dalam perkataan pecahan pada 2 (i)

.....(1 markah)

3 Rajah 3 di bawah menunjukkan tiga bentuk beserta nilainya.



Rajah 3

(i) Nombor di dalam segi tiga didarab dengan nombor di dalam bulatan.
Apakah jawapannya?

(1 markah)


(ii) Tambahkan jawapan pada 3(i) dengan nilai dalam segi empat sama.

(2 markah)

(iii) Berapakah beza antara nilai pada bulatan dan segitiga?

(2 markah)

4 Rajah 4 menunjukkan beberapa kad beserta nilainya.



Rajah 3

(i) Menggunakan semua kad-kad di atas, bentukkan

a) nombor terbesar _____

b) nombor terkecil _____

(2 markah)

(ii) Cari jumlah kedua –dua nombor terbesar dan terkecil itu

(2 markah)

5

Terdapat 18 biji pisang dan beberapa biji manggis di dalam sebuah bakul.
Jumlah buah-buahan di dalam bakul itu ialah 25 biji.

Rajah 5

(i) Berdasarkan pernyataan di atas, kenal pasti anu.

..... (1 markah)

(ii) Tulis ayat Matematik yang melibatkan anu tersebut.

..... (1 markah)

(iii) Cari nilai anu itu?

(2 markah)

6 Ali mempunyai 526 keping setem. Ibu telah memberi lagi 76 keping setem kepada Ali. Kemudian, Ali telah memberi 25 keping setem kepada rakannya.

(i) Tulis ayat Matematik bagi pernyataan di atas?

..... (1 markah)

(ii) Berapa keping setem yang Ali ada sekarang?

(2 markah)

7 Berikut adalah dialog di antara Cikgu Hashim dan dua orang murid.

Norli : Saya dapat mengumpul 110 tin minuman.
Aleya : Jumlah yang saya kumpul 60 tin lebih banyak daripada kamu.
Cikgu Ayu : Jumlah semua tin yang kamu kumpul sebanyak 280 tin sahaja.

(i) Berdasarkan dialog, hitung bilangan tin minuman yang dikumpul oleh Aleya.

(2 markah)

(iii) Kawan mereka, Nazri pula dapat mengumpul 30 tin minuman kurang daripada Aleya.
Berapakah jumlah tin minuman yang berjaya dikumpul oleh ketiga-tiga orang murid itu?

(3 markah)

8 (i) Tukarkan 17% dalam pecahan.

..... (1 markah)

(i) Tulis satu pecahan setara bagi $\frac{1}{3}$

..... (1 markah)

(iii) $\frac{2}{3} - \frac{1}{6} = \square$

(2 markah)

9 Jadual 6 menunjukkan bilangan akhbar di sebuah pusat pengedaran.

| Hari | Bilangan Akhbar |
|--------|---------------------------------|
| Ahad | 17 249 |
| Isnin | 1 540 kurang daripada hari Ahad |
| Selasa | 900 kurang daripada hari Isnin |

(i) Berdasarkan Jadual 6, hitung bilangan jualan akhbar pada hari Isnin.

(2 markah)

(iii) Cari selisih bilangan akhbar pada hari Selasa berbanding hari Ahad.

(3 markah)

10 Rajah 7 menunjukkan sekeping kad nombor.

8 357

Rajah 7

(i) Nyatakan digit yang mewakili nilai tempat ratus

..... (1 markah)

(ii) Nyatakan satu nombor yang lebih besar daripada nilai di atas

..... (1 markah)

11 Rajah 8 di bawah menunjukkan sejumlah nilai wang yang Ali ada.



Rajah 8


(i) Nyatakan nilai bagi gabungan wang di atas.

(2 markah)

(ii) Jika emak Ali memberi sebanyak RM25.60 lagi kepada Ali, berapakah jumlah wang yang Ali ada sekarang?

(2 markah)

12 Rajah 7 menunjukkan tiga buah segiempat yang sama saiz yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Rajah 7


(i) Tulis nombor bercampur yang mewakili bahagian berlorek daripada rajah itu.

..... (1 markah)

(ii) Tukarkan nombor bercampur itu kepada pecahan tak wajar (berdasarkan gambarajah di atas).

(2 markah)

13 Rajah 9 menunjukkan air dalam sebuah bikar.



(i) Nyatakan isipadu, dalam ml, air itu.

.....

(1 markah)

(ii) Air dikeluarkan sebanyak 720 ml.

Hitung jumlah isipadu air, dalam ml, air di dalam bikar.


(2 markah)

(iii) Berdasarkan soalan (i), air daripada bikar itu dituang sama banyak ke dalam 3 bekas.

Hitung isipadu air, dalam ml, setiap bekas itu.

(2 markah)

14. Rajah 10 menunjukkan jarak dari tiga tempat.



Rajah 11

Jarak dari rumah Mimi ke Gerai Pak Abu ialah 750 m.

(i) Berapakah jumlah jarak rumah Mimi ke Balai Polis Bomba melalui gerai Pak Abu?

(2 markah)

(ii) Jika jarak rumah Mimi terus ke Balai Bomba adalah 210 m lebih jarak dari Gerai Pak Abu ke Balai Bomba, berapakah jumlah jarak yang dilalui oleh Mimi dari rumah ke Balai Bomba?

(3 markah)

15. Rajah 11 menunjukkan iklan bagi suatu pertunjukan.

Rajah 11

PERTUNJUKAN ISTIMEWA

 **PERTUNJUKAN SARKAS LONDON**
TARIKH : 3 – 8 JUN 2015,
MASA : 8.00 pagi hingga 11 malam
Tempat : Tapak Pasar Malam MPKS

MAKLUMAN HARGA TIKET

DEWASA : RM15.00, UMUR - 16 Tahun ke atas
REMAJA : RM12.00 UMUR, 13 – 15 Tahun
KANAK-KANAK : RM7.00, UMUR, 8 - 12 Tahun
BAWAH 8 TAHUN, PERCUMA

HBG : 019 38 38 772 

(i) Ammar membawa ibu, isterinya dan 2 orang anaknya yang masing-masing berumur 17 tahun dan 6 tahun. Berapakah jumlah harga tiket yang perlu Ammar bayar?

(3 markah)

(ii) Berdasarkan soalan (i), berapakah baki wang ammar jika dia membayar tiket dengan 2 keping wang kertas RM50.

(2 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT